



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-2/3/2(99)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 3/2020

KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA KE LUAR NEGERI BAGI PEGAWAI GRED UTAMA A DAN KE ATAS

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri tentang syarat dan kaedah pemberian Tambang Percuma Ke Luar Negeri (TPKLN) kepada pegawai Gred Utama A dan ke atas.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Tambang perjalanan percuma ke luar negeri sekali dalam tempoh lima (5) tahun perkhidmatan untuk pegawai gred Utama A dan ke atas ditetapkan berdasarkan peraturan 141 (f), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.
3. Kerajaan Negeri telah bersetuju menambahbaik syarat dan kaedah pemberian kemudahan Tambang Percuma Keluar Negeri bagi Gred Utama A dan ke atas selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2010 (Pekeliling Persekutuan) bagi memastikan agar pelaksanaan lebih fleksibel dan bersesuaian dengan keadaan semasa.

PELAKSANAAN

4. Kemudahan TPKLN ini boleh digunakan untuk mana-mana destinasi terhad kepada had tambang yang telah ditetapkan.

Kelayakan

5. Pegawai berikut layak diberi kemudahan TPKLN:

- (i) Pegawai lantikan tetap atau sementara di Gred Utama A dan ke atas; atau
- (ii) Pegawai yang sedang memangku/dipinjamkan/ditukar sementara di Gred Utama A dan ke atas.

6. Selain itu, ahli keluarga pegawai di perenggan 5 (i) dan (ii) di atas, layak diberi kemudahan TPKLN terhad kepada yang berikut:

- (i) Seorang isteri/suami; dan
- (ii) Maksimum **tiga (3) orang anak yang berstatus bujang** dalam tanggungan pegawai semasa permohonan dikemukakan. Anak bermaksud anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang diambil secara sah mengikut undang-undang. Bagi anak daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani (yang tidak mampu menjaga diri sendiri) had umur tersebut tidak terpakai.

Syarat

7. Kelayakan pegawai ditentukan melalui status pegawai semasa permohonan kemudahan ini dikemukakan atau pada tarikh persaraan pegawai bagi pemberian kemudahan mengikut peraturan di perenggan 20(ii), atau pada tarikh kematian pegawai bagi pemberian mengikut peraturan di perenggan 20 (v).

8. Pegawai layak kemudahan TPKLN mulai tarikh pegawai menjawat jawatan di **Gred Utama A dan ke atas**. Bagi pegawai yang dalam pemangkuan/peminjaman/tukar sementara yang gred hakikinya lebih rendah dan tidak layak kemudahan TPKLN apabila pegawai kembali ke gred hakikinya, kemudahan ini diberi dalam tempoh pemangkuan/peminjaman/tukar sementara sahaja.
9. Kemudahan TPKLN diberi sekali dalam **tempoh lima (5) tahun perkhidmatan yang melayakkan**. Perkhidmatan yang melayakkan bermaksud tempoh perkhidmatan tetap, sementara, memangku atau peminjaman/tukar sementara di **Gred Utama A dan ke atas**.
10. Kelayakan seterusnya bermula selepas genap tempoh lima (5) tahun perkhidmatan yang melayakkan.
11. Pegawai lantikan kontrak adalah tidak layak menerima kemudahan ini.
12. Perbelanjaan bagi pesara hendaklah ditanggung oleh Jabatan terakhir di mana pegawai berkhidmat.

Kaedah Dan Kadar

13. Pemberian kemudahan TPKLN diberi melalui salah satu (tidak boleh digabungkan) daripada kaedah-kaedah berikut:
 - (i) Dalam bentuk tiket penerbangan yang tidak melebihi had tambang penerbangan dari Kota Kinabalu ke London pergi dan balik (KK/London/KK) tertakluk kepada:
 - (a) Tambang Kelas Satu bagi pegawai dan isteri/suami; dan
 - (b) Tambang Kelas Ekonomi bagi anak

Atau,

- (ii) Dalam bentuk wang tunai mengikut kadar yang berikut:

Kategori	Kadar (RM)
Pegawai	32,000.00
Suami/Isteri (seorang)	32,000.00
Anak (maksimum 3 orang)	6,000.00 seorang

Peraturan Pemberian TPKLN Dalam Bentuk Tiket Penerbangan

14. Kemudahan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan hendaklah digunakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan yang melayakkan. Ahli keluarga boleh menggunakan kemudahan tiket penerbangan secara berasingan untuk mengikut pegawai semasa pegawai menjalankan tugas rasmi atau menghadiri kursus di luar negeri.

15. Had tambang tiket penerbangan adalah seperti berikut:

- (i) Had tambang adalah berasaskan kepada harga tambang semasa (*full fare*) penerbangan KK/London/KK yang ditetapkan oleh Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad (MAS); dan
- (ii) Bagi perjalanan ke destinasi yang tambang penerbangannya kurang daripada had tambang, hanya tambang sebenar *full fare* ke destinasi tersebut boleh diluluskan. Sebaliknya **jika tambang penerbangan melebihi had yang ditetapkan, pegawai hendaklah menanggung sendiri perbezaan tambang yang berlebihan itu.**

- (iii) Kos tambang penerbangan termasuk harga tiket penerbangan, cukai lapangan terbang, insuran penumpang dan surcaj bahan api yang dikenakan. **Walau bagaimanapun, kerajaan tidak akan menanggung kos berkaitan tambang kapal terbang yang disebabkan kecuaiian atau urusan peribadi seperti penukaran tarikh penerbangan, kos lebihan bagasi dan sebagainya.**

16. Pegawai boleh memilih untuk membeli tiket penerbangan yang lebih murah dengan menurunkan kelas penerbangan, membeli tiket dengan harga promosi, atau membeli pakej pelancongan dengan harga yang lebih murah berbanding had tambang. Dalam keadaan ini pegawai boleh dibayar perbezaan harga tambang *full fare* dengan harga pembelian seperti berikut:

- (i) Perbezaan harga tambang *full fare* bagi destinasi sebenar (tidak melebihi had tambang) dengan harga pembelian tiket penerbangan/pakej pelancongan yang lebih murah. [Kaedah pengiraan adalah seperti di **Contoh 1 dan 2, Lampiran A**]; atau
- (ii) Sekiranya tambang *full fare* bagi destinasi sebenar adalah melebihi had tambang, maka perbezaan yang boleh dibayar ialah perbezaan harga had tambang dengan harga pembelian tiket penerbangan/pakej pelancongan yang lebih murah berbanding had tambang. [Kaedah pengiraan adalah seperti di **Contoh 3, Lampiran A**].

17. Penggunaan Waran Perjalanan Udara Awam dan Pesanan Tempatan serta penggunaan agen perjalanan/pelancongan hendaklah dilaksanakan sekiranya Jabatan mengurus pembelian tiket penerbangan atau pakej pelancongan. Penggunaan agen perjalanan/pelancongan oleh Jabatan hendaklah mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa. Pegawai juga boleh mengurus sendiri pembelian tiket penerbangan atau pakej pelancongan dan membuat tuntutan kepada Jabatan, terhadap kepada had tambang di bawah kemudahan ini. Kaedah pengiraan adalah seperti di [**Contoh 4, Lampiran A**].

18. Pegawai dikehendaki menggunakan perkhidmatan syarikat MAS atau syarikat penerbangan lain yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Bagi destinasi yang tiada perkhidmatan penerbangan MAS atau syarikat penerbangan lain yang diluluskan oleh Kerajaan, pegawai diberi kebebasan memilih perkhidmatan syarikat penerbangan yang lain tertakluk kepada had tambang di para 15 (i).

19. Pegawai boleh memilih untuk diberi TPKLN dalam bentuk wang tunai sekiranya pegawai tidak mahu menggunakan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan.

20. Jika pegawai tidak membuat pilihan untuk menggunakan TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan atau wang tunai, pegawai akan diberikan TPKLN dalam bentuk wang tunai secara automatik apabila:

- (i) Genap 5 tahun perkhidmatan yang melayakkan;
- (ii) Bersara wajib/pilihan/atas sebab kesihatan/kepentingan perkhidmatan selepas tarikh pekeliling ini dikeluarkan;
- (iii) Tamat tempoh peminjaman/tukar sementara dan kembali ke gred jawatan hakiki yang lebih rendah;
- (iv) Tamat tempoh pemangkuan dan kembali ke gred jawatan hakiki yang lebih rendah; dan
- (v) Meninggal dunia dalam perkhidmatan di mana waris layak menerimanya mengikut kelayakan pegawai pada tarikh kematiannya. Pembayaran kepada waris hendaklah mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa. [Contoh kelayakan adalah seperti di **Lampiran B**]

Peraturan Bagi Pegawai Yang Bersara Mulai Tarikh Kuat Kuasa Pekeliling ini dikeluarkan.

21. Pegawai yang telah bersara wajib/pilihan/atas sebab kesihatan/atas kepentingan perkhidmatan pada **1 Januari 2020** sehingga tarikh pekeliling ini dikeluarkan tetapi belum memohon kemudahan TPKLN boleh memilih untuk menggunakan kemudahan TPKLN di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

Prosedur Permohonan

22. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang **JPAN(Saraan)/TPKLN 2020** seperti di **Lampiran C** kepada Ketua Jabatan.

23. Permohonan kemudahan ini hendaklah dikemukakan untuk kelulusan seperti berikut:

Pemohon	Kuasa Melulus
Setiausaha Kerajaan Negeri	Ketua Menteri
Peguam Besar Negeri	Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri	Setiausaha Kerajaan Negeri
Setiausaha Kementerian	Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua Jabatan	Setiausaha Kerajaan Negeri

24. Kelulusan hendaklah dicatat dalam Buku Perkhidmatan dan direkod dalam Sistem Maklumat (SM2) pegawai.

TARIKH KUAT KUASA

25. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

26. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’



[**DATUK Sr. HAJI SAFAR UNTONG J.P.**]
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 07 JUL 2020

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

s.k.: Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Level 8,9,10 dan 11, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

CONTOH

PERKIRAAN BAYARAN PERBEZAAN TAMBANG

Had Tambang :	Had Tambang penerbangan MAS (<i>Full Fare</i>) Kota Kinabalu/London/Kota Kinabalu Kelas Satu bagi pegawai = RM32,800.00
----------------------	--

Contoh 1 :	Destinasi : Kota Kinabalu/London/Kota Kinabalu
-------------------	---

- (i) Harga tambang sebenar ke destinasi KK/London/KK = RM32,800.00
mengikut kelayakan Kelas Satu (*Full Fare*)
- (ii) Harga pembelian tambang penerbangan yang = RM24,225.00
diturunkan ke Kelas *Business* (Pembelian diuruskan oleh Jabatan)
- (iii) Jumlah perbezaan yang boleh dibayar kepada = RM 8,575.00
pegawai [(i) tolak (ii)]

Contoh 2 :	Destinasi : Kota Kinabalu/Sydney/Kota Kinabalu
-------------------	---

- (i) Harga tambang sebenar ke destinasi KK/Sydney/KK = RM16,800.00
mengikut kelayakan Kelas Satu (*Full Fare*)
- (ii) Harga pakej pelancongan (Pembelian diuruskan oleh = RM10,550.00
Jabatan)
- (iii) Jumlah perbezaan yang boleh dibayar kepada = RM 6,250.00
pegawai [(i) tolak (ii)]

Contoh 3 :	Destinasi : Kota Kinabalu (KK)/Buenos Aires/Kota Kinabalu
-------------------	--

- (i) Harga tambang sebenar ke destinasi KK/Buenos Aires/KK mengikut kelayakan Kelas Satu (*Full Fare*) = RM39,900.00
- (ii) Harga tambang penerbangan dengan harga promosi = RM31,500.00
(Pembelian diuruskan oleh Jabatan)
- (iii) Jumlah perbezaan yang boleh dibayar kepada = RM 1,300.00
pegawai

[Had Tambang tolak (ii)]
= [RM32,800.00 – RM31,500.00]

Contoh 4 :	Destinasi : Kota Kinabalu (KK)/Buenos Aires/Kota Kinabalu (KK)
-------------------	---

- (i) Harga tambang sebenar ke destinasi KK/Buenos Aires/KK mengikut kelayakan Kelas Satu (*Full Fare*) = RM39,900.00
- (ii) Harga pembelian tambang penerbangan dengan harga promosi (Pembelian diuruskan oleh pegawai dengan mendahulukan wang sendiri) = RM31,500.00
- (iii) Jumlah perbezaan yang diambil kira untuk pembayaran[(Had Tambang tolak (ii)]
[RM32,800.00 – RM31,500.00] = RM 1,300.00
- (iv) Jumlah keseluruhan wang tambang yang dibayar kepada pegawai adalah [(ii) tambah (iii)] = RM32,800.00

Nota:

1. Perkiraan adalah berdasarkan kelayakan pegawai dan ahli keluarga yang layak. Bagi ahli keluarga yang berkecukupan Kelas Ekonomi, harga tambang berdasarkan harga semasa tambang Kelas Ekonomi.
2. Jika tambang penerbangan melebihi had yang ditetapkan, pegawai hendaklah menanggung sendiri perbezaan tambang yang berlebihan itu dan jabatan hanya akan membayar mengikut kadar had tambang yang telah ditetapkan.
3. Had tambang sebenar adalah mengikut tambang semasa untuk penerbangan ke destinasi yang dipilih.

Jadual Kelayakan Bagi Pemberian TPKLN Dalam Bentuk Wang Tunai Secara Automatik Apabila Pegawai Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan Yang Melayakkan

Bil.	Status Pegawai Pada Tarikh Pegawai Meninggal Dunia	Kelayakan Yang Diterima Waris		
		Pegawai	Isteri/Suami	*Anak
1.	Pegawai tidak mempunyai ahli keluarga atau semua ahli keluarga pegawai meninggal dunia sebelum atau pada tarikh yang sama dengan tarikh kematian pegawai	√	x	x
2.	Isteri/suami dan anak pegawai masih hidup	√	√	√
3.	Isteri/suami pegawai masih hidup dan anak pegawai meninggal dunia sebelum atau pada tarikh yang sama dengan tarikh kematian pegawai.	√	√	x
4.	Isteri/suami pegawai meninggal dunia sebelum atau pada tarikh yang sama dengan tarikh kematian pegawai dan anak pegawai masih hidup.	√	x	√

Nota :

- * Sekiranya terdapat anak yang masih hidup, maka kelayakan anak yang masih hidup boleh diambil kira, tertakluk kepada maksimum tiga orang anak yang layak.

√ Kelayakan diambil kira

x Kelayakan tidak diambil kira

PERMOHONAN TAMBANG PERCUMA KE LUAR NEGERI (TPKLN)
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 3/2020
(Untuk Pegawai Gred Utama A dan ke atas)

Kemudahan yang dituntut: (Tandakan ✓)

☐ (1) TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan

☐ (2) TPKLN dalam bentuk wang tunai

MAKLUMAT PEGAWAI

1. Nama pegawai :
2. Gred/Pangkat : No. K/P
3. Tarikh kelayakan bermula : hingga
4. Tarikh terakhir kemudahan diluluskan (bagi kali ke-2 dan seterusnya):
5. Tarikh perjalanan (jika berkaitan): hingga
6. Ahli keluarga yang layak:

Bil.	Nama	Pertalian	Tarikh Lahir	[Bagi kemudahan (1) sahaja] Tandakan (✓) jika menyertai pegawai ke luar negeri
(i)		Suami/Isteri		
(ii)		Anak 1		
(iii)		Anak 2		
(iv)		Anak 3		

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa semua butir-butir di atas adalah benar. Sekiranya saya menggunakan TPKLN dengan tiket penerbangan, saya akan menyerahkan segala keratan tiket penerbangan sekembalinya saya dan ahli keluarga dari lawatan tersebut sebagai bukti perjalanan telah benar-benar dilakukan.

Tarikh :

.....
Tandatangan pemohon
(Pegawai/Waris)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Permohonan diluluskan seperti berikut:

☐

(1) TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan

a) Had tambang *full fare* KK/London/KK RM.....

b) Harga tambang penerbangan (*full fare*) ke destinasi (tidak melebihi had tambang) mengikut kelas kelayakan RM.....

c) Harga tambang penerbangan/pakej pelancongan yang lebih murah: RM.....

☐

Pembelian oleh Jabatan

☐

Pembelian oleh pegawai

Jumlah yang dibayar kepada pegawai : RM.....

Atau,

☐

(2) TPKLN dalam bentuk tiket penerbangan

1. Kadar pegawai RM.....

2. Kadar isteri/suami RM.....

3. Kadar anak [_____ x RM6,000.00] (Bilangan) RM.....

Jumlah yang dibayar kepada pegawai : RM.....

Tarikh Kelulusan :

.....

Tandatangan Pelulus/Cop Nama dan
Jawatan

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

1. Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap dan kemas kini;
2. Salinan sah Surat Nikah dan Sijil Kelahiran bagi ahli keluarga yang layak atau verifikasi melalui system HRMIS/SM2; dan
3. Sebut harga tambang perjalanan atau pakej pelancongan serta jadual penerbangan dari agen perjalanan yang dibenarkan jika memilih TPKLN.